

Bab 5

Hasil Kajian dan Rumusan

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, beberapa kesimpulan akan dibuat berdasarkan hasil daripada analisis-analisis yang dijalankan pada bab empat. Antaranya adalah klasifikasi makna tersembunyi bagi siri fonetik [ing] dan kadar keberkesanan siri fonetik [ing] sebagai penentu sebutan. Di samping itu, perbincangan dari aspek impak dan perspektif juga akan dibuat berdasarkan perbandingan hasil kajian ini dengan kajian yang dijalankan oleh tokoh-tokoh lain. Akhirnya cadangan kajian lanjutan diberikan berasaskan batasan kajian ini untuk menjadikan dapatan kajian ini lebih tepat dan mantap.

5.2 Klasifikasi Makna Tersembunyi Siri Fonetik [ing].

Setelah kajian dijalankan ke atas 30 kumpulan kata siri fonetik [ing], didapati terdapat makna tersembunyi pada 15 kumpulan kata siri fonetik yang sama (sila rujuk muka surat 118). Dengan kata lain, terdapat persamaan makna yang tersembunyi pada sesetengah tulisan yang berkongsi satu siri fonetik. Hasil kajian makna tersembunyi iaitu "Klasifikasi siri fonetik [ing]" boleh dirujuk kepada jadual 5.1 di bawah :

Jadual 5.1 : Senarai Klasifikasi Makna Tersembunyi Siri Fonetik [ing]

	Siri Fonetik	Sebutan	Makna Tersembunyi	Erti Perkataan
1	并	[bīng] [bǐng]	[Halangan]	巾并/巾屏 = kain halangan. 屏 = dinding kecil yang berfungsi sebagai halangan. 摒 = menghapuskan halangan. 摒 = menghapuskan halangan dengan tangan.
2	丁	[dīng]	[Keras]	玎 = bunyi ketukan zamrud / bahan keras. 叮 = lorong sawah / tanah keras. 钉 = paku / bahan keras serta tajam. 疔 = sejenis penyakit yang degil / keras. 聃 = hasilan kelenjar telinga yang keras. 顶 = tempat keras pada bahagian kepala.
3	廷	[tíng]	[Tegak]	廷 = bahagian pokok yang tegak. 亾廷 = wajah yang tinggi lagi tegak. 挺 = tegak. 珽 = zamrud panjang / tegak. 挺 = bahagian tumbuhan yang tegak. 颀 = menegakkan kepala.
4	茎	[jīng]	[Tegak]	茎 = batang tumbuhan / bentuk tegak. 经 = benang tegak pada mesin tenun. 胫 = bahagian kaki yang tegak. 径 = kawasan pergunungan yang tegak.
5	京	[jīng]	[Kuat]	猋京 = sejenis rusa yang kuat. 亾京 = kuat. 鲸 = ikan paus / besar dan kuat. 麋 = sejenis rusa yang besar lagi kuat. 勐 = kuat.
6	景	[jǐng]	[Cahaya]	璟 = cahaya / gilang-gemilang zamrud. 影 = kesan benda menahan cahaya.
7	令	[líng] [lǐng]	[Bunyi]	玲 = bunyi zamrud. 铃 = loceng / alatan pengeluaran bunyi.

		[lǐng]		聆 = mendengar / proses bunyi dimasukkan ke dalam telinga. 呤 = bercakap dengan suara / bunyi yang kecil.
8	菱	[líng]	[Tidak bulat]	菱 = sejenis tumbuhan yang berbentuk segi tiga / tidak bulat. 棱 = kayu yang berbentuk segi empat / tidak bulat. 鲚 = sejenis ikan yang berbadan leper / tidak bulat.
9	宁	[níng] [nìng]	[tidak terurus]	拧 = [tidak terurus]. 髻 = wajah rambut yang [tidak terurus]. 荨 = rumput yang [tidak terurus].
10	冥	[míng]	[Gelap]	冥 = pemandangan yang kabur / gelap. 暝 = gelap 瞋 = menutup mata / kelihatan gelap.
11	平	[píng]	[Rata]	坪 = tanah yang rata. 枰 = kayu yang rata. 鲚 = sejenis ikan yang berbadan kepingan / rata.
12	青	[qīng]	[jernih]	睛 = biji mata (kelihatan [jernih]). 精 = memilih beras yang bersih dan berkualiti/[jernih]. 清 = air yang jernih. 晴 = malam yang terang/[jernih].
13	磬	[qìng]	[Bunyi]	磬 = bunyi batu. 磬 = alat muzik yang diperbuat daripada batu atau zamrud / alat yang bertujuan untuk mengeluarkan bunyi.
14	荧	[yíng]	[Mengelilingi]	萤 = kelip-kelip / serangga yang menerbangkan mengelilingi. 营 = tempat tinggal yang dikelilingi oleh tanah kubu. 萦 = mengelilingi. 漾 = gelombang air yang mengelilingi.

15	嬰	[yīng]	[Berbelit-berlit]	嬰 = anggur hutan / buahnya berbelit-belit 櫻 = berbelit-belit. 纓 = tali berbelit-belit untuk mengikat topi. 櫻 = pokok Sakura / bunganya berbelit-belit pada dahan.
----	---	--------	-------------------	--

Merujuk kepada jadual 5.1 di atas, didapati bahawa siri fonetik "井" mempunyai makna tersembunyi [halangan], siri fonetik "丁" mempunyai makna tersembunyi [keras], siri fonetik "廷" dan "丕" mempunyai makna tersembunyi [tegak], siri fonetik "京" mempunyai makna tersembunyi [kuat], siri fonetik "景" mempunyai makna tersembunyi [cahaya], siri fonetik "令" mempunyai makna tersembunyi [bunyi], siri fonetik "菱" mempunyai makna tersembunyi [tidak bulat], siri fonetik "宁" mempunyai makna tersembunyi [tidak terurus], siri fonetik "冥" mempunyai makna tersembunyi [gelap], siri fonetik "平" mempunyai makna tersembunyi [rata], siri fonetik "青" mempunyai makna tersembunyi [jernih], siri fonetik "靚" mempunyai makna tersembunyi [bunyi], siri fonetik "莢" mempunyai makna tersembunyi [mengelilingi], dan siri fonetik "嬰" mempunyai makna tersembunyi [berbelit-belit].

5.3 Kadar Keberkesanan Siri Fonetik [ing] sebagai Penentu Sebutan.

Kadar keberkesanan fungsi siri fonetik [ing] diperolehi berdasarkan analisis-analisis yang telah dijalankan terhadap kumpulan kata siri fonetik [ing] (sila rujuk muka surat 113). Angka peratusan diberikan kerana bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dalam bentuk angka mengenai setakat mana siri fonetik [ing] memainkan peranannya iaitu sebagai penentu sebutan. Hasil kajian tersebut boleh dirujuk pada jadual 5.2 yang berikut :

Jadual 5.2 : Kadar keberkesanan siri fonetik [ing] sebagai penentu sebutan.

Kumpulan	Peratusan
Persamaan konsonan, vokal dan tone.	60.5%
Persamaan konsonan dan vokal sahaja.	16.5%
Persamaan vokal sahaja.	12.3%
Persamaan siri fonetik tetapi berlainan sebutan.	10.7%

Merujuk kepada Jadual 5.2 di atas, didapati bahawa kumpulan "Persamaan konsonan, vokal, dan tone" mencatat peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 60.5%. Bagi kumpulan "Persamaan konsonan dan vokal sahaja", peratusan yang diperolehi adalah sebanyak 16.5%. Bagi kumpulan "Persamaan vokal sahaja", kadar peratusannya adalah sebanyak 12.3%, manakala kumpulan "Persamaan siri fonetik tetapi berlainan sebutan" mencatat kadar peratusan yang terendah iaitu sebanyak 10.7% sahaja.

5.4 Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian berikut dibuat berdasarkan hasil pada kajian ini. Perbincangan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu "Perbincangan hasil kajian makna tersembunyi" dan "Perbincangan hasil kajian penentu sebutan".

5.4.1 Perbincangan hasil kajian makna tersembunyi

Setelah kajian makna tersembunyi dijalankan, didapati bahawa bukan semua siri fonetik berfungsi sebagai pembawa makna tersembunyi. Hanya 15 kumpulan kata daripada jumlahnya 30 kumpulan kata siri fonetik [ing] memperolehi makna tersembunyi. (sila rujuk muka surat 118). Pada pendapat saya, keadaan sedemikian berlaku bukan secara kebetulan sahaja, 'kemungkinan besar' pada permulaannya "tulisan fonetik kompleks" adalah bertujuan untuk menyatakan makna luaran

(melalui radikal), makna tersembunyi (melalui siri fonetik), dan sebutan (melalui siri fonetik) berdasarkan satu bentuk tulisan. Namun, akibat daripada faktor-faktor tertentu (mungkin disebabkan kekurangan kawalan ataupun permintaan tulisan baru yang pesat), maka sesetengah tulisan fonetik kompleks telah kehilangan fungsinya sebagai pembawa makna tersembunyi. Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa tulisan yang merangkumi "makna kategori, makna tersembunyi, dan sebutan" ini merupakan alat yang amat berkesan dalam tujuan komunikasi seharian kerana ia dapat menyatakan makna dan sebutan dengan jelas.

Selain itu, terdapat fenomena di mana makna tersembunyi yang sama pada dua siri fonetik [ing] yang berlainan, iaitu siri fonetik "廷" dan "全" yang menyampaikan makna tersembunyi [tegak], siri fonetik "令" dan "令" yang menyampaikan makna tersembunyi [bunyi]. Fenomena sedemikian mungkin menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara kedua-dua siri fonetik tersebut. (sesiapa yang berminat mungkin boleh menjalankan kajian ke makna tersembunyi yang sama pada siri fonetik yang berlainan).

5.4.2 Perbincangan hasil kajian penentu sebutan

Setelah kajian penentu sebutan dijalankan ke atas kumpulan kata siri fonetik [ing], didapati terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kadar keberkesanan siri fonetik sebagai penentu sebutan, antaranya adalah "gangguan dialek", "fungsi komponen sebagai siri fonetik dan sebagai komponen makna dalam tulisan pemahaman logik", dan "fungsi komponen sebagai siri fonetik dan sebagai radikal".

a) Gangguan dialek

Sekiranya merujuk balik kepada hasil kajian yang dibuat oleh Bernhard Kargren Johannes Karlgren (1889-1978)(sila rujuk muka surat 7), maka terbukti hasil kajian yang mengatakan bahawa terdapat perbezaan sebutan berlaku pada sesetengah perkataan yang bersiri fonetik sama adalah disebabkan oleh "gangguan dialek" adalah benar. Ini dapat dibuktikan melalui perubahan sebutan sesuatu perkataan itu kepada sebutan dialek. Sekiranya tulisan-tulisan yang tergolong dalam kumpulan persamaan siri fonetik tetapi berlainan sebutan disebutkan dalam bahasa "Kantonis", maka sebahagian daripada perkataan berkenaan mempunyai sebutan yang sama atau lebih kurang sama dengan sebutan siri fonetiknya. Sebagai contoh, sekiranya 妍[pīn], 駢[píán], dan 駢[píán] disebut dalam sebutan "Kantonis", maka sebutannya (妍[p'íŋ], 駢[p'íŋ], dan 駢[p'íŋ]) lebih kurang sama dengan sebutan siri fonetiknya iaitu 并[píŋ]. Begitu juga bagi perkataan 拌[p'íŋ] (sebutan siri fonetik 平[píŋ]), 星[ɕíŋ] (sebutan siri fonetik 星[ɕíŋ]), 淀[tíŋ], 錠[tíŋ] (sebutan siri fonetik 定[tíŋ]) dan sebagainya.

b) Fungsi komponen sebagai siri fonetik dan sebagai komponen makna dalam tulisan "pemahaman logik".

Setelah dikaji, didapati bahawa terdapat keadaan di mana fungsi komponen sebagai siri fonetik dan sebagai komponen dalam tulisan "pemahaman logik" yang berlaku pada sesetengah perkataan Cina. Ini bermakna walaupun terdapat komponen sama pada dua tulisan yang berlainan, kedua-dua tulisan itu tidak semestinya merupakan tulisan bersiri fonetik sama atau masing-masing merupakan tulisan "pemahaman

"logik" yang berkongsi satu komponen. Kemungkinan besar salah satu tulisan itu adalah tulisan fonetik kompleks manakala yang satu lagi adalah tulisan "pemahaman logik". Contohnya, 颢[hào], 囿[yù], dan 就[jiù] masing-masing merupakan tulisan "pemahaman logik" walaupun terdapat komponen 景 (bagi 颢), 幸 (bagi 囿), dan 京 (bagi 就), maka tidak hairanlah sekiranya sebutan perkataan berkenaan tidak serupa dengan sebutan yang bersiri fonetik 景, 幸, dan 京. Ini adalah kerana perkataan berkenaan dihasilkan bukan berdasarkan siri fonetik "seperti perkataan 景, 影, 悻, 女幸, 京, 伊京, 鯨, dan sebagainya" tetapi adalah berdasarkan "bentuk / tulisan". Walau bagaimanapun, sudah pasti bahawa komponen tulisan "pemahaman logik" yang serupa dengan siri fonetik ini akan menjadi "penganggu" ke atas fungsi siri fonetik sebagai penentu sebutan.

c) Fungsi komponen sebagai siri fonetik dan sebagai radikal

Di samping itu, terdapat juga fenomena di mana sesuatu komponen memainkan peranan sebagai siri fonetik dan radikal. Dengan kata lain, sesuatu komponen mungkin merupakan siri fonetik bagi sesuatu perkataan tetapi merupakan radikal bagi perkataan lain. Contohnya seperti komponen "青" memainkan peranan sebagai penentu sebutan bagi tulisan "靖[qīng], 清[qīng], 圉[qīng], 情[qíng], 晴[qíng], 氣[qíng], 請[qǐng], dan sebagainya" tetapi memainkan peranan sebagai radikal pada tulisan "靜[jìng] dan 較[diàn]". Fenomena ini juga telah menurunkan kadar keberkesanan fungsi siri fonetik sebagai penentu sebutan.

5.5 Impak Kajian Makna Tersembunyi dan Penentu Sebutan.

Senarai klasifikasi tersebut diharapkan dapat menjadi bahan rujukan bagi mereka yang ingin menjalankan kajian terhadap tulisan Cina. Walau bagaimanapun, sekiranya kajian yang secara keseluruhan dijalankan ke atas semua vokal bahasa Cina (seperti [a],[e],[i],[o],[u],[u],[ai],[ao],[au],[an],[ang],[ei],[en],[eng],[in],[ia],[iu],[ic],[ian],[iang],[on],[ou],[ue],[ua],[uan],[uang],[un], dan sebagainya), maka senarai klasifikasi makna tersembunyi Cina dapat diperolehi. "Senarai klasifikasi makna tersembunyi keseluruhan" ini seterusnya boleh dijadikan garis panduan dalam menciptakan "tulisan fonetik kompleks yang lebih berkesan dari segi penyampaian makna radikal dan makna tersembunyi ". (Contohnya mungkin pada suatu hari kita ingin "mencipta" tulisan Cina yang bermakna "bunyi yang dikeluarkan oleh komputer", maka kita boleh "mencantumkan" komponen radikal dan siri fonetik yang berkaitan iaitu "电" (radikal yang berkaitan dengan elektrik) dan "令" atau "声" (siri fonetik yang bermakna tersembunyi [bunyi]), ini seterusnya menghasilkan tulisan fonetik kompleks yang berbentuk "电声" dan bermakna "[bunyi] yang dikeluarkan oleh [komputer]". Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan "masalah bahasa transliterasi" bahasa Cina. (Contohnya seperti perkataan "沙发 [shā fā]" tidak dapat menyampaikan makna berdasarkan Liu Shu dan tatabahasa bahasa Cina kerana perkataan tersebut dihasilkan melalui penterjemahan dari bahasa Inggeris iaitu "sofa").

Dari segi penentu sebutan, kadar keberkesanan siri fonetik [ing] sebanyak 60.5 % telah menunjukkan bahawa sekiranya seseorang itu berpengetahuan Liu Shu dan berupaya membezakan komponen radikal, siri fonetik, dan komponen makna

yang lain, maka kadar menyebut sesuatu tulisan dengan tepat akan meningkat. Sebaliknya, tanpa sebarang pengetahuan Liu Shu, kadar keberkesanan menyebut tulisan Cina adalah sebanyak 39% (Angka ini adalah angka yang berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zhou You Guang, sila rujuk muka surat 29). Ini bermakna Liu Shu telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan daya penyebutan tulisan Cina.

5.6 Perspektif

Menurut Noor Ein Mohd. Noor :

"China telah membentuk tradisi kajian linguistik tersendiri menjelang pertembungan dengan para sarjana barat, dengan negara dan bahasanya". (1993 : 132)

Keadaan sedemikian berlaku disebabkan tulisan Cina mempunyai cara penyampaian yang unik dan tersendiri. Cara penyampaian makna dan sebutan ini hanya boleh difahami melalui penguasaan Liu Shu (kerana Liu Shu merupakan metode hasil daripada pendekatan induktif ke atas tulisan Cina). Sebarang kajian yang tidak berdasarkan Liu-shu tidak mungkin dapat menganalisis tulisan Cina secara berkesan dan sempurna. Ini boleh dibuktikan melalui kajian-kajian yang dijalankan oleh Bernhald Karlgren (1929) dan Zhou You Guang (1980).

Bernhald Karlgren (1889-1978) cuba mencari faktor-faktor kelainan sebutan oleh tulisan Cina berdasarkan perspektif barat iaitu "linguistik komparatif", akhirnya

beliau telah membuat kesimpulan bahawa faktor utama kelainan sebutan tulisan Cina adalah disebabkan "'gangguan dialek". Kajian beliau yang berdasarkan "linguistik komparatif" ini sebenarnya tidak dapat menggambarkan faktor kelainan sebutan pada tulisan Cina secara menyeluruh. Ini boleh dibandingkan dengan kajian penentu sebutan yang berdasarkan Liu Shu :

Rajah 5.1 Perbandingan Perspektif "linguistik komparatif " dan "Liu Shu"

Kajian Bernhald Karlgren 1929	Kajian berdasarkan Liu Shu
<p style="text-align: center;">Sebutan Sebutan Mandarin Kantonis</p> <p>感[gǎn] → [kan] → [kêṁ]</p> <p>喊[hǎn] → [xan] → [xam]</p> <p>減[jiǎn] → [tsiɛ] → [kam]</p> <p>咸[xián] → [çiɛn] → [ɣam]</p> <p>Kesimpulan kajian :</p> <p>Kelainan sebutan 感,喊,減,咸 disebabkan "gangguan dialek" iaitu bahasa Kantonis.</p>	<p style="text-align: center;">Sumber kajian ↓ Liu Shu</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div data-bbox="588 608 692 718" style="text-align: center;"> <p>←</p> <p>Tulisan Fonetik Kompleks (感,喊,減.)</p> </div> <div data-bbox="826 608 940 718" style="text-align: center;"> <p>→</p> <p>Tulisan Pemahaman Logik (咸)</p> </div> </div> <p>Kesimpulan kajian :</p> <p>Kelainan sebutan 感,喊,減 disebabkan "gangguan dialek". Mengikut Liu Shu, "咸" merupakan tulisan pemahaman logik, makna tulisan ini iaitu "kebiasan" dinyatakan melalui cantuman komponen "口" (bermakna "mulut") dan "戎" (bermakna "biasa"). Kelainan sebutan tulisan "咸" berbanding dengan "感,喊,減" disebabkan kelainan "komponen".("感,喊,減" bersiri fonetik "咸" tetapi "咸" berkomponen makna "口 + 戎").</p>

Berdasarkan perbandingan di atas, maka jelas kepada kita bahawa sekiranya "感,喊,減,咸" dikaji melalui "linguistik komparatif", kesimpulan boleh dibuat bahawa faktor utama kelainan sebutan pada "keempat-empat" tulisan tersebut adalah disebabkan "gangguan dialek". Namun, sekiranya tulisan yang sama dikajian berdasarkan "Liu Shu", Tulisan "咸" tidak boleh dikaji bersama dengan tulisan

"感,喊,喊" kerana tulisan tersebut merupakan "tulisan pemahaman logik" yang berkomponen makna "口 + 戒" tetapi bukan "tulisan fonetik kompleks" yang bersiri fonetik "咸" seperti tulisan ""感,喊,喊". Ini bermakna, tulisan "咸" sebenarnya tidak mempunyai perkaitan dengan ketiga-tiga tulisan "感,喊,喊", maka tidak logik untuk mengatakan bahawa tulisan "咸" asalnya sama sebutan dengan tulisan yang bersiri fonetik "咸" iaitu "感,喊,喊", tetapi akibat daripada unsur "gangguan dialek", tulisan "咸" telah mengalami kelainan sebutan berbanding dengan tulisan yang bersiri fonetik "咸" iaitu "感,喊,喊". (Mengikut Liu Shu, faktor utama kelainan sebutan pada tulisan "咸" berbanding dengan tulisan "感,喊,喊" adalah disebabkan tulisan "咸" berkomponen makna "戒" dan bukan bersiri fonetik "感,喊,喊").

Bagi kajian yang dijalankan oleh Zhou You Guang (1980), beliau cuba mencari kadar keberkesanan sebutan tulisan Cina melalui perspektif "Tulisan Cina Moden" yang tidak mengambilkira cara penyampaian tulisan Cina. Akhirnya beliau membuat kesimpulan bahawa kadar keberkesanan sebutan tulisan Cina adalah setakat 39%. Pada pendapat saya, kajian yang dijalankan oleh Zhou You Guang ini hanya merupakan kajian tulisan Cina secara "permukaan" sahaja dan angka sebanyak 39% tidak dapat menggambarkan kadar keberkesanan sebutan tulisan Cina yang sebenar kerana tidak mengambilkira faktor-faktor pembentukan tulisan Cina. Mengikut beliau, komponen yang selain daripada "komponen radikal" merupakan "komponen penentu sebutan", akan tetapi sebenarnya mengikut Liu Shu, selain daripada "komponen radikal", terdapat juga "komponen makna" seperti "komponen pada tulisan gambar piktografik, tulisan pemahaman logik dan tulisan penunjuk simbol". Walau bagaimanapun, perbandingan boleh dibuat berdasarkan data-data yang sama antara kajian "Tulisan Cina Moden" dan kajian berdasarkan "Liu Shu" :

Rajah 5.2 Perbandingan Kajian Tulisan Cina Moden dan Kajian berdasarkan

Liu Shu

Kajian "Tulisan Cina Moden"	Kajian berdasarkan Liu Shu
<p>细[xì], 佃[tián], 男[nán], 畋[tián],</p> <p>佃[tián], 苗[miáo], 甸[dián].</p> <p>Persamaan sebutan "田[tián]" : 畋, 佃, 佃.</p> <p>Sepuluh sebutan "田[tián]" : 甸.</p> <p>Sebutan tidak sama "田[tián]" : 佃, 苗, 男.</p> <p>Kesimpulan kajian :</p> <p>Keberkesanan sebutan "田[tián]" :</p> $\frac{3}{7} \times 100\% = 42.8\%$	<p style="text-align: center;">Sumber kajian</p> <p style="text-align: center;">↓</p> <p style="text-align: center;">Liu Shu</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: flex-start;"> <div style="text-align: center;"> <p>▲</p> <p>Tulisan Fonetik Kompleks (畋, 佃, 佃, 甸)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p>▲</p> <p>Tulisan Pemahaman Logik (佃, 男, 苗)</p> </div> </div> <p>畋 = siri fonetik "田"</p> <p>佃 = siri fonetik "田"</p> <p>佃 = siri fonetik "田"</p> <p>甸 = siri fonetik "包" yang diringkaskan.</p> <p>Mengikut Liu Shu, siri fonetik "甸" adalah "刁" jadi ia harus dimasukkan ke dalam kumpulan kata siri fonetik "包". Di samping itu, "佃" dibentuk melalui cantuman komponen makna "纟 + 田", 苗(艹 + 田) dan 男(田 + 力).</p> <p>Kesimpulan kajian :</p> <p>Keberkesanan siri fonetik "田[tián]"</p> $\frac{3}{3} \times 100\% = 100\%$

Sekiranya merujuk kepada rajah 5.2 di atas, kajian "Tulisan Cina Moden" telah menganalisis tulisan-tulisan tersebut tanpa mengambilkira faktor pembentukan tulisan-tulisan yang dikaji. Dengan itu, sudah pasti bahawa kadar peratusan yang diperolehi daripada kajian adalah rendah iaitu sebanyak 42.8% sahaja." (Sebagai contoh, bolehkah "kajian imbuhan 'ber'" dijalankan ke atas perkataan seperti "berapa", "berani", "beranta", "berontak", "berita", "berotak", "berakhir", "berombak", "berisi", dan sebagainya tanpa mengambilkira faktor pembentukan Bahasa Melayu?).

5.7 Rumusan Kajian

"Kajian makna tersembunyi dan penentu sebutan" merupakan kajian yang bertujuan untuk menghasilkan satu klasifikasi makna tersembunyi siri fonetik [ing] yang sistematik dan teratur. Sebab utama klasifikasi makna tersembunyi tersebut harus dihasilkan kerana ia boleh dijadikan garispanduan yang penting dalam penghasilan "tulisan Cina baru". Di samping itu, tiada kajian-kajian yang seumpama ini selain daripada kajian-kajian yang membuktikan terdapat makna tersembunyi pada tulisan Cina. Dengan itu, penghasilan klasifikasi makna tersembunyi sudah pasti dapat memanfaatkan pengguna bahasa Cina.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengesan kadar penentu sebutan berdasarkan Liu Shu. Ini adalah kerana pada pendapat saya, kajian tulisan Cina yang tidak berdasarkan Liu Shu tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar mengenai tulisan Cina memandangkan tulisan Cina mempunyai cara penyampaian makna dan sebutan yang tersendiri.

Berlandaskan tujuan-tujuan tersebut di atas, maka kumpulan kata siri fonetik [ing] telah dipilih sebagai data-data untuk dianalisis. "Analisis komponen" telah digunakan sebagai alat kajian dalam "kajian makna tersembunyi" manakala "kajian penentu sebutan dianalisis melalui proses "klasifikasi". Setelah penganalisan, terdapat 15 kumpulan kata siri fonetik [ing] yang mempunyai makna tersembunyi. Berdasarkan itu, satu senarai klasifikasi makna tersembunyi siri fonetik [ing] berjaya disenaraikan.

Dari aspek penentu sebutan, kadar keberkesanan siri fonetik [ing] sebagai penentu sebutan adalah sebanyak 60.5%. Kadar tersebut jauh lebih tinggi daripada kajian yang dijalankan oleh Zhou You Guang (sebanyak 39%). Ini bermakna, sekiranya seseorang menguasai pengetahuan Liu Shu, maka daya sebutan tulisan Cina akan meningkat.

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan kajian yang berdasarkan pendekatan induktif dan kaedah analisis komponen makna. Untuk mendapat hasil kajian yang lebih tepat dan mantap, cadangan kajian lanjutan disarankan seperti berikut :

- a) Skop kajian ini meliputi analisis terhadap makna tersembunyi dan penentu sebutan. Dicadangkan supaya hanya satu topik dianalisis dengan teliti dan secara mendalam untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.
- b) Makna asal tulisan fonetik kompleks dalam kajian ini dirujuk daripada 《Shuo wen Jiezi》 yang diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Buku Kuno Shang Hai pada tahun 1981, begitu juga bagi data-data tulisan fonetik kompleks vokal [ing] adalah dipetik daripada "Kamus Bahasa Cina Modern 《现代汉语词典》" yang diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan dan Percetakan Shang Wu pada tahun 1996. Dicadangkan supaya merujuk juga bahan-bahan yang lain dalam menentukan makna asal serta memetik data-data tulisan fonetik kompleks daripada kamus yang lebih lengkap dari segi pengumpulan kata seperti "Kamus Cihai 《辞海》" yang diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Shang Hai Ci Shu.

- c) Kajian ini memerlukan pengetahuan yang luas terhadap Liu Shu dan sejarah perkembangan tulisan Cina khasnya bentuk tulisan Cina sebelum diringkaskan, maka dicadangkan supaya membaca bahan rujukan yang secukupnya dan menguasai pengetahuan dalam bidang tersebut.